Sejarah Kegemilangan Islam di Zaman Silam

Sejarah kegemilangan Islam di zaman silam dapat dijadikan asas untuk membangun masyarakat di zaman moden berdasarkan al-Qur'ān dan al-ḥadīth. Manakala ajaran-ajaran Islam telah lengkap oleh Rasulullah dari Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*,
maka Rasulullah pun wafat. Setelah berlalunya zaman Khulafa' al-Rasyidin kemuliaan dan ketinggian umat Islam di mata dunia internasional mulai jatuh merosot. Umat Islam tidak seharusnya menyesali tanpa berkesudahan disebabkan kemunduran mereka di dalam aspek-aspek kemajuan, kerana kehancuran umat Islam hari ini berpunca dari tiga faktor yang terbesar: agama, kedudukan dan politik.

(Oleh: Shahruddin Dahari)

Kemajuan dan Kekuatan Islam:

Kemajuan Islam di zaman silam, adalah membanggakan umat Islam di seantero alam. Ini dapat dibuktikan dari mulanya Islam terkembang di *jazīrah al-'Arab*, pada masa itu berpusat di tanah suci Makkah, di bawah pimpinan Nabi besar Muhammad (S.A.W.), sebagai titik permulaan sejarah. Kekuatan Islam di masa itu, bergantung pada kekukuhan keimanan dan semangat di dada perwira-perwira Islam yang tak pernah merasa gentar, tatkala menghadapi sesuatu ancaman dari musuh. Walaupun pelbagai halangan mengancam mereka, namun demikian kejayaan pasti tercapai dengan pesatnya. Dengan hal yang demikian ajaran Islam dapat meluas ke seluruh *jazīrah al-'Arab*.

Bila mana ajaran Islam telah lengkap diterima oleh Rasulullah dari Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*, dan jua di saat kemunculan umat Islam di *jazīrah al-'Arab*, maka Rasulullah pun wafat.

Khulafa' al-Rasyidin:

Pada tahun 11 Hijrah – bersamaan dengan 632-634 *Milādiyyah* – muncul pula kerajaan yang baru, sebagai penyambung dari jasa baik Junjungan besar Muḥammad (S.A.W.), yang dipimpin oleh Saiyidina Abū Bakr (*raḍiya Allāhu 'anh*) berkuasa selama 2 tahun lebih.

Dalam perjuangan yang gigih dan mengerikan umat Islam, di masa pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin, kejayaannya terus tercapai ke beberapa negeri hingga meluas ke Andalus.

Dengan adanya tinjauan yang *detail* di sudut sejarah Islam, dapatlah kita umat Islam menyimpulkan satu ikatan yang kukuh di jiwa banī Ādam, untuk mencari satu kontak yang rapat, yang boleh dijadikan asas kebangkitan masyarakat Islam di zaman moden, berdasarkan al-Qur'ān dan al-ḥadīth. Ini dapat dibuktikan dengan firman Allah Ta'ālā **"*Wa ka dhālika ja'alnākum ummatan wasaṭan li takūnū shuhadā'a 'alā al-nāsi wa yakūna al-rasūlu 'alaykum shahīdā*."** yang bererti: "Demikianlah Kami jadikan kamu umat yang terbaik supaya menjadi saksi (contoh) kepada manusia, dan adalah Rasul kepada kamu jadi saksi." (Al-Baqarah – 143).

Sains dan Teknologi Islam:

Dengan ini adalah jelas, bahawa sejarah kegemilangan bagi Islam itu, layak dijadikan asas untuk membangun kesedaran umat Islam di zaman kebelakangan ini. Setiap kemajuan dalam lapangan sains dan teknologi yang dicapai oleh negara-negara Barat itu, adalah perbendaharaan umat Islam di zaman silam. Orang-orang Barat telah berjaya mencedok ilmu-ilmu yang dikaji oleh orang Islam di Andalus. Kerana di sana didapati 600,000 buah buku dan lebih 70 buah kutubkhanah umum, dan di sana juga terdapat kutubkhanah khusus. Di antaranya banyak orang-orang Barat yang berjaya menterjemahkan al-Qur'an al-Karim, dari penganut-penganut agama Kristian. Sebab Islam tertinggal dalam lapangan sains dan teknologi, serta tidak dapat distabilkan dengan perkembangan kemajuan sains Barat, adalah berpunca dari tidak wujudnya makmal-makmal sains seperti di hari ini. Walaupun demikian, Islam tidak dapat menafikan segala usaha-usahanya di zaman silam.

Dalam ilmu kimia Jābir bin Ḥayyān memainkan peranan yang penting, dan dialah orang yang julung-julung kali berjaya menyusun cara-cara pengkajian mengasaskan ilmu tersebut. Beliau telah